

Buku teks:  
Kanak2  
di sekolah  
Tamil  
diberi  
bantuan

KUALA LUMPUR, <sup>19/2/74</sup> ~~Jumaat.~~ — Kementrian Pelajaran telah dan sedang menjalankan beberapa rancangan untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh murid-murid di sekolah Tamil.

Di antara rancangan-rancangan itu mencantumkan sekolah-sekolah kecil sekumpul bertempat di kawasan baharu atau di sekolah besar yang hampir yang terdapat kemudahan alat-alat pengajaran.

Menteri Pelajaran, Dr. Mahathir Mohd. Berkata, langkah ini akan dijalankan dengan sokongan-sokongan dari jabatan-jabatan pelajaran negeri dan persetujuan Lembaga Pengurus Sekolah-sekolah yang berkenaan.

Bellau menyatakan demikian dalam jawapan bertulis kepada soalan Senator G. S. Gabriel yang ingin tahu rancangan kementerian untuk mengatasi

masalah yang dihadapi oleh murid-murid sekolah Tamil di serta negeri.

Dr. Mahathir berkata, selain dari itu kementeriannya juga telah menjalankan skim pinjaman buku-buku teks bagi kanak-kanak yang perlukan bantuan di sekolah-sekolah Tamil yang dimulakan sejak tahun 1974.

### Ringankan

Sekim ini memberi pertolongan besar untuk meringankan beban kewangan ibubapa-ibubapa yang berpendapatan rendah di kawasan luarbandar dan kawasan-kawasan terpencil dalam soal perbelanjaan pelajaran anak-anak mereka. katanva.

Bellau juga berkata, dalam membaiki nilai akademik dan pentadbiran sekolah-sekolah, guru-guru besar dan guru-guru sekolah Tamil diberi peluang menghadiri kursus-kursus di peringkat negeri dan persekutuan. Manakala dalam membaiki darjah pengajaran di sekolah-sekolah, guru-guru sementara yang mempunyai kelayakan pelajaran diberi latihan profesyen pada masa cuti persekolahan dengan tujuan akan melantik mereka sebagai guru-guru tetap, setelah tamat latihan kelak.

Di samping itu, tambah bellau guru-guru tetap juga diberi kursus-kursus dalam perkhidmatan pada penghujung minggu dan semasa cuti persekolahan bagi meninggikan lagi mutu pengetahuan dan teknik pengajaran mereka.